

Soal Jawab Agama



Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

Nisfu Syaaban tiada kelebihan?

APAKAH ada kelebihan malam nisfu Syaaban?

JAWAPAN:

Bulan Syaaban adalah bulan diangkat amalan. Perkara ini sabit dalam riwayat hadis. Adapun penentuan malam nisfu Syaaban iaitu pada 15

Syaaban, kebanyakan hadis yang diriwayatkan adalah bertaraf daif (lemah).

Ada satu riwayat hadis menyatakan bahawa ada keampunan bagi seluruh makhluk pada malam nisfu Syaaban kecuali orang musyrik dan bergaduh. Hadis ini bertaraf hasan

iaitu riwayat hadis yang diterima.

Bagi sebahagian ulama, malam nisfu Syaaban adalah malam lailatulqadar. Ini dinyatakan oleh Imam Ibn Hajar dalam syarah Sahih al-Bukhari.

Secara umum, himpunan hadis menunjukkan bahawa

ada kelebihan pada malam nisfu Syaaban.

Maka sewajarnya malam tersebut dipenuhi dengan amalan-amalan baik. Contohnya memperbanyakkan zikir, membaca al-Quran, bertahajud dan ibadah sunat lain.

Amalan masyarakat kita biasanya diisi dengan bacaan surah Yaasin. Ia tidaklah wajib tetapi sebagai satu aktiviti pengisian antara waktu maghrib dan isyak.

Malam nisfu Syaaban pada tahun ini jatuh pada malam esok iaitu Sabtu (20 April 2019).

Kirim majlis khatam al-Quran

BARU-BARU ini saya habis membaca al-Quran 30 juzuk. Bolehkah saya meminta orang yang pergi umrah melakukan majlis khatam al-Quran bagi pihak saya di Mekah?

JAWAPAN: Tiada kewajipan dalam syariah untuk mengadakan majlis khatam al-Quran. Maka, kita sendiri sebagai pembaca melakukannya jika ingin melakukan majlis tersebut.

Oleh itu, tiada keperluan untuk orang lain yang menunaikan umrah melakukan majlis khatam al-Quran untuk diri kita.



Berundur jalan terbaik

SAYA bertugas sebagai imam di masjid yang terletak agak jauh dari rumah. Saya menerima elaun imam, tetapi tidak mampu memberi komitmen menjadi imam solat sepenuh masa kerana selalu bertugas luar kawasan. Adakah saya perlu berhenti atau meneruskan tugas sebagai imam?

JAWAPAN: Secara prinsip, apabila seseorang tidak mampu melakukan tugasnya maka wajar dia berundur.

Hal sama, sewajarnya seseorang yang tidak mampu menjadi imam solat kerana bertugas di luar untuk meletak jawatan.

Walau bagaimanapun,

persoalan perlu ditanya ialah sama ada wujud insan lain yang mampu menjadi imam solat sepenuhnya?

Jika ada dan mampu, maka tidak mengapa untuk melepaskan jawatan, tetapi jika sebaliknya dikhawatiri bahawa pengurusan masjid akan menjadi lebih teruk tanpa imam.

Adapun elaun yang diterima, maka saudara boleh menginfakkan sebahagiannya untuk masjid seperti bayaran elektrik dan air masjid.

Dengan ini, masjid masih mempunyai imam solat walaupun tidak sepenuhnya. Elaun juga diagihkan antara diri sendiri dan kepentingan masjid.



Senamrobik sambil berzikir

APAKAH hukum menari senamrobik sambil berzikir?

JAWAPAN: Senamrobik adalah pergerakan badan,

riadah, senaman dan menari bagi kesihatan tubuh badan manakala zikir adalah bahan selingan atau sampingan.

Maka hukum menari senamrobik sambil berzikir

adalah harus.

Contohnya kita berjoging sambil berzikir, ia adalah harus. Saya tidak menemui pendapat ulama yang menyatakan haram setakat ini.

